

PM kecewa penganjur penerjunan berbohong

UM 25 MAR 2000

Oleh
MARHAINI KAMARUDDIN

PUTRAJAYA 24 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak dapat menerima perbuatan penganjur penerjunan alaf 2000 'Misi Kapsul Masa Untuk Semua Insan' yang cuba berbohong mengenai kegagalan mereka menyempurnakan penerjunan di Kutub Selatan.

Dalam reaksi pertamanya berhubung isu itu, Perdana Menteri berkata: "(Gejala) ini sangat buruk dan saya tidak boleh menerimanya.

"Tidak apa jika percubaan itu gagal. Adalah lebih baik untuk menerima kekalahan secara 'sporting' daripada mereka-reka cerita kemenangan sedangkan anda sebenarnya mengalami kekalahan," tegas Dr. Mahathir.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai isu yang dicituskan oleh penganjur misi tersebut. Fikiran Syndicate, selepas majlis ringkas penyerahan Jalur Gemilang kepada pasukan Rali Proton-Pert di tempat letak kereta Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Ekoran kegagalan misi tersebut, penganjur perlu

melunaskan pinjaman mereka kepada Kementerian Belia dan Sukan berjumlah AS\$200,000 (kira-kira RM760,000) selewat-lewatnya 28 Mac ini.

Menurut Perdana Menteri, penganjur dan pasukan penerjun terbabit telah menemui beliau dan berjanji untuk melakukan terjunan itu.

"Saya bersimpati kerana mereka gagal melaksanakan misi tersebut ekoran masalah penganjuran yang kurang kemas.

"Walaupun saya tidak gembira dengan hasilnya, saya berharap ia tidak akan menjejaskan semangat pasukan lain untuk

menganjurkan misi seumpamanya bagi membawa slogan Malaysia Boleh," katanya.

Sementara itu, mengulas peluang Kuala Lumpur yang terpaksa bersaing dengan Osaka dan Beijing untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik 2008, Perdana Menteri berharap Malaysia berjaya mendapatkan hak penganjuran itu.

Memandangkan negara tidak mampu mengeluarkan perbelanjaan besar untuk tujuan kempen seperti yang dilakukan oleh Jepun, beliau juga berharap Majlis Olimpik Antarabangsa akan mengambil kira kemudahan dan keupayaan

negara menganjurkan sukan berprestij itu.

Tambahan pula, menurut Dr. Mahathir, peraturan baru Majlis Olimpik Antarabangsa tidak menggalakkan kempen keterlaluan sebaliknya mahu ia dijalankan secara telus dan bersih.

"Kita harap akan dipilih menjadi tuan rumah. Tetapi kalau gagal kali ini, kita akan terus menawarkan diri setiap kali Sukan Olimpik hendak diadakan empat tahun sekali," katanya.

Difahamkan Osaka meluluskan peruntukan sebanyak AS\$250 juta untuk tujuan kempen di Amerika Syarikat sahaja.